

Dewan Tertinggi BN akan bincang penggantungan dua ADUN MCA

UM 2 1 DEC 2002

KUALA LUMPUR 20 Dis. — Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) akan membincangkan sama ada memadai tindakan MCA menggantung keahlian tanpa had masa dua wakil rakyatnya yang berkecuali dalam pengundian usul DAP pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, bulan lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Majlis Tertinggi (MT) UMNO berpendapat perkara itu adalah serius dan perlu dirujuk kepada BN secepat mungkin.

Mesyuarat Dewan Tertinggi BN akan diadakan bulan depan.

“Walaupun tindakan terhadap seorang ahli parti adalah tanggungjawab parti, tetapi kita anggap orang ini adalah mewakili BN.

“Dengan itu BN perlu memainkan peranan dalam menentukan sama ada tindakan penggantungan itu memadai atau tidak,” katanya pada

sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT di sini hari ini.

Isnin lepas, Majlis Presiden MCA memutuskan menggantung tanpa had masa keahlian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat Lim Boo Chang dan dan Tan Cheng Liang (Jawi) kerana berkecuali dalam pengundian usul pembangkang hendak menangguhkan Projek Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR).

Parti-parti komponen BN bagaimanapun berpendapat tindakan itu tidak memadai, malah Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik dalam reaksi serta merta menganggap MCA mementingkan diri.

Ditanya adakah isu itu sesuatu yang mendesak untuk ditangani, tegas Dr. Mahathir: “Ia adalah soal prinsip.”

Mengenai kemungkinan manamana ADUN yang dipecat daripada parti perlu mengosongkan kerusi

masing-masing pada masa depan, Dr. Mahathir berkata, perkara seperti itu akan dibincangkan dalam mesyuarat BN.

“Yang itu kita bawa kepada BN. Ya (akan dibawa) dalam perbincangan kalau ia dibangkitkan,” katanya.

Terdahulu, beliau memberitahu pihaknya mendapat beberapa maklumat baru berhubung isu dua ADUN itu tetapi enggan mendedahkannya.

“Maklumat baru itu akan dikemukakan kepada BN kerana kita tidak hendak perkara-perkara ini menjadi bahan perbincangan yang akan mempengaruhi pendirian BN,” katanya.

Mengenai pendirian UMNO pula, Dr. Mahathir berkata, ia berbeza sedikit dengan apa keputusan yang diumumkan dahulu.

Memandangkan perkara ini adalah soal BN, menurutnya ia perlu dirujuk kepada gabungan itu dan UMNO akan mematuhi keputusannya.